



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنِ حَالِ الْاِخْوَانِ الْاِسْلَامِيَّةِ نِجَرِي سَابَا

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

02 SAFAR 1445H / 18 OGOS 2023M

### MENJAGA KEDAULATAN NEGARA MERDEKA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am,  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : ..... 16 Ogos 2023

PEGAWAI PENYEMAK : .....

DATUK HAJI ABDUL MANAP LAKARIBA  
TIMBALAN MUFTI  
KERAJAAN NEGERI SABAH

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 16/08/2023

DIBACA PADA : 18/08/2023

DILULUSKAN OLEH : H. ALMI

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنَّ الَّذِي فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لَرَادُّكَ إِلَىٰ مَعَادٍ ۗ قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ مَنْ جَاءَ

بِالْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ (القصص (28): 85)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيَّ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الأنبياءِ والمرسلين، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ

يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

**SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,**

Khatib ingin berpesan khususnya kepada diri khatib sendiri dan seterusnya para jamaah jumaat di masjid ini, marilah kita berusaha meningkatkan nilai

ketakwaan kita dengan dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan Sunnah baginda Rasulullah SAW serta meninggalkan segala apa yang dilarang mahupun yang ditegah.

Minggu ini khatib akan menyampaikan khutbah: ***"MENJAGA KEDAULATAN NEGARA MERDEKA"***.

#### **JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sikap patriotisme seringkali dikaitkan dengan kemerdekaan. Ianya juga bukan sekadar luahan perasaan, akan tetapi menuntut penghayatan bagi setiap warganegara yang merdeka. Kemerdekaan yang kita kecapai sehingga kini bukanlah suatu yang mudah dan dapat dikecapi dalam waktu yang singkat. Malahan ianya berlangsung dalam suasana penuh dramatik, keringat, darah dan air mata. Sikap ini juga tidak sepatutnya timbul semasa menuntut sesebuah kemerdekaan sahaja malahan ianya perlu terus tersemat rapat di dalam jiwa dan perasaan hatta dalam keadaan aman. Setiap rakyat yang cintakan tanah airnya, maka patriotisme sebagai pendorong untuk berusaha bersungguh-sungguh membangun negeri dan negara.

#### **JAMAAH JUMAAT SAUDARAKU YANG DIHORMATI,**

Semangat patriotisme dalam mempertahankan kedaulatan negeri dan negara mempunyai kaitan langsung antara pemimpin dan rakyat. Maka sewajarnya setiap daripada kita bertanggungjawab dalam memastikan kemakmuran dan kedaulatan ini sentiasa terpelihara. Semangat patriotisme mempertahankan kedaulatan juga amat perlu agar usaha membawa konsep perpaduan ke arah pembentukan sebuah negara

bangsa yang benar-benar utuh dapat direalisasikan. Firman Allah SWT dalam Surah Hud, ayat 117:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلِهَا مُصْلِحُونَ

**Maksudnya:** "Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri."

### **JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Perbezaan ideologi, kaum dan parti politik dalam sesebuah negeri sepatutnya tidak dijadikan halangan kepada usaha memakmurkan sesebuah negeri apatah lagi bernegara. Tidak kira apa jenis pekerjaan yang kita lakukan sama ada petani, nelayan, kaki tangan awam mahupun buruh kasar, semuanya perlu mempunyai semangat kecintaan yang menebal terhadap tanah airnya. Apabila patriotisme semakin pudar dalam jiwa warganegara, sudah tentu kita akan melihat individu dan masyarakat akan berpecah belah lantaran lebih tertumpu kepada pembangunan diri, keluarga atau puak masing-masing dan lupa tanggungjawab terhadap negeri dan negara.

Sesuatu yang amat terpuji jika setiap masyarakat bertindak atas dasar atau usaha yang dapat membawa kebaikan antara satu sama lain. Malah, setiap orang akan lebih dipandang tinggi dan dihormati kerana berjaya meletakkan keutamaan rakyat serta negara melebihi sentimen ideologi masing-masing. **Prof Dr Abdul Muin Salim** dalam kitabnya : *Fiqh al-Siasah* menjelaskan bahawa: "Mewujudkan suasana yang tidak stabil

*dalam sesebuah negara yang aman damai adalah haram. Sengaja mewujudkan suasana porak peranda seterusnya mengundang kepada mudarat kepada orang awam hukumnya adalah haram.”*

### **SAUDARAKU YANG DIKASIHI,**

Sikap patriotisme dalam mempertahankan kedaulatan juga merujuk ikatan spiritual antara individu dan negara. Ikatan itu berasaskan semangat cintakan negara dan sanggup berkorban untuk mempertahankannya. Apabila seseorang individu yang tidak mempunyai perasaan cinta terhadap ibu pertiwinya, bolehlah dikatakan individu tersebut telah hilang jati diri.

Justeru mewujudkan perasaan cintakan Negara serta kesanggupan untuk mempertahankan kedaulatan amat penting walaupun cara melahirkan sikap patriotisme yang terdahulu tidak lagi menarik minat generasi pasca merdeka kerana generasi ini tidak tersentuh oleh faktor sama seperti generasi terdahulu. Peri pentingnya sikap patriotisme ini pernah dizahirkan oleh Rasulullah SAW dalam satu riwayat Ibn Abbas Radi Allahu ‘anhu bahawa Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud :

*“Alangkah baiknya dirimu wahai Makkah dan betapa cintanya diriku kepadamu, seandainya kaumku tidak mengeluarkanku darimu, nescaya aku tidak akan tinggal di tempat selain daripadamu”*

**(H.R al-Tirmizi )**

### **JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,**

Menyimpul khutbah minggu ini marilah kita berusaha mempertahankan kedaulatan negara yang telah dirintis oleh perjuangan datuk nenek kita selama ini. Usahlah menggadaikan masa depan negara ini dan terpengaruh dengan pihak- pihak yang tidak bertanggungjawab. Janganlah terjebak dan terikut-ikut dengan mereka yang tidak menyedari asal usul serta tidak memahami adat istiadat latar belakang penduduk dan agama di negara ini dan mengambil kesempatan terhadap sesuatu isu demi kepentingan peribadi dan politik mereka.

Percayalah hanya dengan bersatu kita akan menjadi kuat dan mampu mengalahkan pihak musuh. Sedarlah permusuhan sesama sendiri pasti merugikan dan melemahkan kita. Marilah sama- sama kita perkukuhkan cinta kepada Allah dengan ikhlas berjuang menegakkan agama Allah, syariat Allah dan memperbanyakkan amal soleh supaya kita terus berjuang di jalan Allah dan dimasukkan ke dalam golongan yang berjuang fi-sabilillah. Kita juga perlu memahami bahawa mempertahankan tanah air itu merupakan salah satu tuntutan syarak. Bila syarak dipatuhi bantuan Allah pasti akan tiba. Firman Allah SWT di dalam surah ali-'Imran, ayat 160 :

إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ ۖ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرْكُمْ مِنْ بَعْدِهِ ۗ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

**Yang bermaksud :** *“Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu; dan jika Ia mengalahkan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu*

sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? Dan (ingatlah), kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu berserah diri.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تک س خطبة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
 وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ  
 الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكِ بَكِينِدَا يَغِ  
 دَقْرَتَوَانِ اِكْوَغِ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغِ تَرَاوَتَامِ يَغِ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي  
 سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ  
 رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ  
 مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ  
 عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَيَّ نِعْمِي يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ  
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522142 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)